

# Kaedah Pengukuran Penentuan Status Mualaf kepada Mukalaf dalam Konteks Malaysia

## *Deterministic Measurement Methods in Mualaf to Mukalaf Status in Malaysian Context*

Azman Ab. Rahman<sup>a</sup>, Nurul Shazwani Nordin<sup>a</sup>, Muhammad Faiz Abd. Shakor<sup>a</sup>, Mohamad Anwar Zakaria<sup>a</sup>, Nur Ain Syafiqah<sup>a</sup>, Mohammad Naqib Hamdan<sup>b\*</sup>

<sup>a</sup>*Faculty of Syariah and Law, Islamic Science University of Malaysia (USIM), Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan*

<sup>b</sup>*Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor Bahru, Johor, Malaysia*

\*Corresponding author: [mohammadnaqib@utm.my](mailto:mohammadnaqib@utm.my)

### Article history

Received: 2020-01-06    Received in revised form: 2020-03-19    Accepted: 2020-03-21    Published online: 2020-06-30

### Abstract

The convergence of Islam among the Muslims increased every year. This development is excellent and shows that Islam is a religion of mercy and is appropriate for all ages. The term mualaf or sibling is often used by the community or agency that manages, guides and protects the welfare of the mualaf. There are questions about the duration of the status different caliphs by state which lead to the need for the status caliphs to be studied in detail. Therefore, the objective of this study is to identify the concept of mualaf and mukalaf according to the criteria set by Islamic scholars in defining a person as a mukalaf. This study will also examine the methodology for determining the status of mualaf to mukalaf based on the views of scholars and current needs. This study uses a qualitative approach to the documentation method. The results show that the method of determining the status of a mualaf to a mukalaf must meet the three main criteria, namely maturity, reason, and understanding of a given law. Further study of additional measures in determining the status of the mualaf to the mukalaf should be done to develop an instrument that can be used by the relevant agency. It is hoped that this study will serve as a reference and guide to the zakat management in Malaysia in developing the method of determining the status of mualaf to the mukalaf.

*Keywords:* Measurement, Mualaf, Mukalaf

### Abstrak

Pemelukan agama Islam dalam kalangan mualaf meningkat saban tahun. Perkembangan ini amat baik dan menunjukkan Islam agama yang rahmah dan sesuai sepanjang zaman. Istilah mualaf atau saudara baharu sering digunakan oleh masyarakat atau agensi yang mengurus, membimbing dan menjaga kebajikan mualaf. Terdapat timbul persoalan berkaitan tempoh status mualaf yang berbeza mengikut negeri sehingga menyebabkan keperluan kepada terhadap status mualaf kepada mukalaf yang perlu dikaji dan diteliti secara terperinci. Justeru, objektif kajian ini adalah mengenal pasti konsep mualaf serta mukalaf mengikut kriteria yang ditetapkan oleh sarjana Islam dalam menentukan seseorang sebagai mukalaf. Kajian ini juga akan mengkaji kaedah pengukuran penentuan status mualaf kepada mukalaf berdasarkan pandangan ulama dan keperluan masa kini. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah dokumentasi. Hasil kajian mendapati bahawa kaedah penentuan status mualaf kepada mukalaf perlu memenuhi tiga kriteria utama iaitu telah mencapai dewasa (baligh), berakal dan faham terhadap sesuatu hukum yang ditetapkan. Kajian lanjutan berkaitan kriteria tambahan dalam menentukan status mualaf kepada mukalaf perlu dilakukan bagi membangunkan satu instrumen yang boleh digunakan oleh agensi berwajib. Diharapkan kajian ini dapat menjadi rujukan dan panduan kepada pihak pengurusan zakat di Malaysia dalam menghasilkan kaedah penentuan status mualaf kepada mukalaf.

*Kata kunci:* Pengukuran, Mualaf, Mukalaf

## 1.0 PENGENALAN

Realiti dan senario semasa tentang bilangan mualaf semakin bertambah di pelusuk dunia. Islam makin diterima oleh orang bukan Islam dan ini jelas dibuktikan dengan penambahan bilangan mualaf dari masa ke semasa di negara-negara Eropah dan sebagainya. Dalam konteks Malaysia juga bilangan mualaf semakin meningkat disebabkan usaha-usaha dakwah yang dilakukan oleh agensi-agensi berwajib, para pendakwah termasuk juga individu-individu tertentu yang tidak berhenti-henti melakukan khidmat untuk agama. Perkembangan ini amat baik dan positif yang memerlukan satu sinergi bersama dalam membimbing dan menguruskan mereka yang bergelar mualaf ini. Terdapat pelbagai latar belakang para mualaf ini khususnya dalam konteks kefahaman mereka berkaitan agama Islam. Sebahagian daripada mereka sudah mempelajari Islam sebelum mengucap dua kalimah syahadah, manakala sebahagian yang lain hanya mengenali Islam secara umum sahaja. Kefahaman yang berbeza ini memerlukan kepada bimbingan dan pengajian yang berterusan bagi memastikan mereka faham dan jelas tentang Islam seterusnya kekal bersama Islam. Perbezaan kefahaman ini juga menimbulkan persoalan dalam kalangan mereka berkaitan isu penggunaan istilah mualaf, saudara baru, saudara kita dan sebagainya. Isu yang timbul ini perlu diselesaikan secara rahmah dan hikmah bagi mengukuhkan kepercayaan mereka terhadap agama Islam itu sendiri. Antara penyelesaian isu ini kajian berkaitan kaedah penentuan status mualaf kepada mukalaf boleh dikaji dan diteliti dalam merungkai kedudukan mualaf dan penggunaan istilah yang bersesuaian dengan mereka (Azarudin dan Khadijah, 2014; Nur Najwa Hanani et al., 2016).

## 2.0 METODOLOGI

Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah pengumpulan data secara dokumentasi. Penelitian ini juga melibatkan kajian perpustakaan untuk mendapatkan informasi tentang tafsiran *mualaf* serta *mukalaf* menurut pandangan para fuqaha dahulu dan kontemporari. Buku, jurnal, kertas kerja, majalah akhbar dan internet merupakan rujukan yang digunakan untuk mendapatkan informasi yang berkaitan.

Untuk menganalisis data yang telah diperoleh metodologi yang digunakan dalam bentuk analisis induktif, deduktif (*istiqrā'i*) dan komparatif (*muqaranah*). Cara yang digunakan ialah dengan menilai kaedah pengukuran penentuan status mualaf kepada mukalaf berdasarkan pandangan ulama' dan keperluan masa kini. Selanjutnya, aspek-aspek ini akan dinilai satu persatu. Penulis akan menghuraikan pandangan ulama' serta membuat kesimpulan terhadap pandangan yang dikumpulkan tersebut.

## 3.0 DAPATAN KAJIAN

### 3.1 Konsep Mukalaf (Mahkum 'Alaih)

Perkataan mukalaf (مكلف) berasal daripada perkataan *kallafa* (كَلَّفَ) yang merupakan kata dasar yang mempunyai maksud “beban” (Mu'jam al-Wasit, 1972). Menurut istilah pula, mukalaf ialah seseorang yang ditugaskan dan dibebani melaksanakan hukum taklif (perintah Allah SWT) (Badran, 1965). Menurut al-Zarkashi (1413H), mukalaf adalah seorang yang dituntut untuk melakukan sama ada perintah dan larangan atau pilihan untuk melakukannya. Mukalaf hendaklah seorang yang baligh, berakal dan sampai dakwah dan mempunyai keahlian bagi melaksanakan sesuatu yang ditaklifkan ke atasnya.

Manakala maksud taklif (تكليف) ialah suatu tuntutan yang perlu dilaksanakan oleh orang yang telah ditetapkan tuntutan keatasnya yakni mukalaf (Mu'jam al-Wasit, 2004) Secara terminologi ilmu Usul Fiqh, taklif adalah: “Perintah Allah (khitabullah) untuk melakukan atau meninggalkan sesuatu perbuatan, ataupun pilihan (takhyir)” (Al-Shawkani, 1999). Menurut Badran (1965), terdapat dua syarat utama taklif iaitu kemampuan dalam memahami hukum taklif dan ahli taklif (mukalaf). Taklif juga merujuk kepada orang Islam yang telah berakal dan baligh. Ketiadaan salah satu dari dua perkara ini menghilangkan sifatnya sebagai mukalaf.

Justeru, mukalaf boleh didefinisikan sebagai orang yang telah akil baligh dan diwajibkan mematuhi hukum-hukum Islam.

Terdapat ayat Al-Qur'an yang menerangkan makna al-taklif berdasarkan surah al-Baqarah ayat 286:

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا

Maksudnya: Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya (Al-Quran, Al-Baqarah 2: 286)

Al-Quran sendiri telah menerangkan bahawa Allah S.W.T hanya membebaskan manusia atau dengan erti kata lain, memberikan al-taklif ke atas seseorang manusia mengikut kemampuan, keupayaan dan kesanggupannya dan Allah (s.w.t) turut menafikan Diri-Nya (s.w.t) melakukan sesuatu yang berlawanan dengannya.

### 3.2 Pandangan Fuqaha' Tentang Syarat Mukalaf

Syarat penentuan seseorang sebagai mukalaf amat penting kerana ia akan menentukan seseorang itu mukalaf atau sebaliknya. Secara umumnya, terdapat persamaan pendapat dalam kalangan ulama' empat mazhab dan fuqaha kontemporari mengenai syarat sah mukalaf. Menurut al-Sarakhsi (1983) dari mazhab Hanafi, seseorang muslim dikira sebagai mukalaf apabila berakal, dapat memahami arahan Allah SWT secara baik yang diperintahkan kepadanya dan sudah cukup umur. Ibn al-'Arabi (1999) dari mazhab Maliki, syarat mukalaf ialah baligh yang seiring dengan berakal. Bagi kriteria baligh, terdapat dua perkara yang menentukan seseorang itu telah baligh iaitu mencapai umur tertentu dan al-ihthilam (mimpi basah). Maksud berakal pula adalah mencapai tahap mumayyiz di dalam pemikirannya yakni al-zuhul (tidak gelap) dan al-nisyan (tidak lupa).

Al-Ghazali (t.th) dari mazhab Syafie pula meletakkan syarat mukalaf adalah berakal dan faham kitab (tuntutan). Perkara yang sama turut disebutkan oleh al-Amidi (1967). Ibn Qudamah (1993) dari mazhab Hanbali, syarat menjadi mukalaf masih sama. Beliau menambah, walaupun kanak-kanak yang belum mumayyiz boleh memahami sesuatu perkara, ia tidak akan sama dengan muslim yang mempunyai akal yang sempurna. Para ulama' kontemporari turut bersetuju dengan dua syarat utama yang telah disebutkan oleh para ulama' klasik, iaitu cukup ahliyyah dan memahami dalil sesuatu taklif, sama ada suruhan atau larangan (Wahbah al-Zuhaili, 1986). Kesimpulannya, majoriti ulama' mazhab dan fuqaha kontemporari menyatakan bahawa syarat sah mukalaf ialah berakal, baligh dan faham akan tuntutan taklif sebagaimana dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1 Syarat Sah Mukalaf

Berakal + Baligh + Faham = Mukalaf
------------------------------------

### 3.3 Konsep Mualaf

Perkataan mualaf berasal daripada kata kerja (أَلْفَ) yang bermaksud melembut dan melunakkan (Azman, 2015). Menurut Kamus Dewan pula, mualaf adalah orang yang baru memeluk Islam atau saudara baru. (Kamus Dewan Edisi keempat, 2010).

Manakala ayat al-Quran yang menyebut secara khusus berkaitan mualaf hanya disebut sekali di dalam al-Quran surah al-Tawbah ayat 60 yang menggambarkan kelompok baru memeluk agama Islam.

إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمَلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغُرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ قَرِيضَةً □ مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ □

Maksudnya: Sesungguhnya zakat-zakat itu hanyalah untuk golongan fakir, miskin, pengurus zakat, para mualaf yang dipujuk hatinya, untuk hamba yang ingin merdeka, golongan

berhutang, golongan yang berada di jalan Allah dan golongan yang sedang dalam perjalanan, sebagai suatu ketetapan yang diwajibkan Allah; dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana (Al-Quran, Al-Tawbah 9: 60)

Ayat ini menjelaskan pemberian atau zakat yang ditetapkan menjadi hak kepada setiap yang bergelar mualaf. Berkata al-Imam al-Tabari berkaitan mualaf iaitu mereka merupakan kaum yang lembut hati mereka terhadap Islam, yang tidak perlu dibantu diri dan keluarga mereka seperti Abi Sufyan, ‘Uyaynah bin Badr, al-Aqra’ bin Habis dan sebagainya dari kalangan pembesar kabilah.

Manakala definisi mualaf dari sudut istilah fiqh, para fuqaha empat mazhab memberikan pelbagai definisi bagi mualaf. Jadual 2 adalah perincian berkaitan definisi mualaf dari empat mazhab

**Jadual 2** Pentafsiran Mualaf Menurut Empat Mazhab

Mazhab	Definisi Mualaf
Mazhab Hanafi	<i>Mu'allafah qulubuhum</i> (yang dijinakkan hatinya) ialah pemimpin Quraisy dan pahlawan Arab seperti Abu Sufyan bin Harb, Safwan bin Umayyah, al-Aqra' bin Habis, 'Uyaynah bin Hisn al-Fazari, al-'Abbas bin Mirdas al-Salmi, Malik bin 'Awf al-Nadri, Hakim bin Hizam dan lain-lain lagi, dan mereka mempunyai kuasa, kekuatan dan pengikut yang ramai (Al-Kasani, t.th).
Mazhab Maliki	Mualaf ialah orang kafir yang diberikan zakat supaya memeluk Islam. Mualaf juga bermaksud orang yang baru memeluk agama Islam, lalu diberikan zakat supaya pegangan agamanya semakin kuat (Al-Dusuqi, t.th: 495)
Mazhab Syafie	Mualaf ialah orang yang dijinakkan atau dilembutkan hatinya yang telah memeluk Islam. (Al-Shafi'i, t.th: 97). Berdasarkan pentafsiran ini, golongan mualaf terbatas kepada orang yang telah memeluk Islam sahaja. Golongan ini diberikan zakat untuk menguatkan lagi pegangan mereka terhadap Islam.
Mazhab Hanbali	Pemimpin kafir yang memimpin suatu kaum atau kumpulan yang diharapkan agar memeluk Islam atau diharapkan menghentikan kejahatannya serta Orang Islam yang diharapkan dapat menguatkan keimanannya dengan pemberian zakat. (Al-Buhuti; 1982: 278)

Berdasarkan pandangan para fuqaha dalam pentafsiran mualaf, dapat disimpulkan bahawa terdapat pelbagai pandangan yang dibahaskan mengenai pentafsiran mualaf. Terdapat pentafsiran yang dipersetujui oleh beberapa mazhab, begitu juga, terdapat pentafsiran yang hanya dikemukakan oleh mazhab tertentu. Semua mazhab memberikan definisi mualaf dengan menekankan unsur keagamaan dengan wujudnya objektif pengagihan zakat untuk melembutkan hati dan menguatkan iman. Namun tiada fuqaha yang mengaitkan pentafsiran mualaf dengan unsur harta iaitu sama ada seseorang mualaf itu fakir, miskin ataupun kaya. Mereka mempunyai hak yang sama untuk menerima zakat daripada bahagian asnaf mualaf. Hal ini sejajar dengan matlamat pemberian zakat kepada mualaf yang lebih menumpukan kepada urusan menguatkan Islam dan keIslaman seseorang berbanding masalah kemiskinan dalam kalangan mualaf.

### 3.4 Kriteria Seseorang Mukalaf

#### 3.4.1 Kriteria Pertama: Berakal

Akal yang mampu memahami itulah yang menjadi landasan taklif. Akal itu adalah perkara yang tersembunyi dan syarak telah menjadikan akal sebagai penentu setelah cukup umur. Oleh itu, jika seseorang sudah cukup umur dan tidak ada sebarang kecacatan pada akalnya dengan lahir daripadanya perkataan dan perbuatan yang biasa dilakukan orang ramai, maka dia dikira mukalaf.

Menurut al-Amidi di dalam kitabnya al-Ihkam fi usul al-Ahkam: “Para ulama usul fiqh bersepakat bahawa syarat mukalaf haruslah berakal dan faham. Oleh kerana taklif (pembebanan) adalah tuntutan, maka mustahil membebani sesuatu bagi yang tidak berakal dan tidak faham, seperti objek yang tidak bernyawa (pokok, batu, bukit dan sebagainya) serta binatang. Orang gila atau kanak-kanak yang hanya mempunyai pemahaman

umum terhadap tuntutan tanpa pemahaman yang terperinci bahawa tuntutan itu merupakan perintah atau larangan adalah bukan mukalaf. Sabda Rasulullah SAW:

رُفِعَ الْقَلَمُ عَنْ ثَلَاثَةٍ عَنِ النَّائِمِ حَتَّى يَسْتَيْقِظَ وَعَنِ الصَّبِيِّ حَتَّى يَحْتَلِمَ وَعَنِ الْمَجْنُونِ حَتَّى يَعْغَلَ

Maksudnya: “Telah diangkat pena (bebanan hukum dan catitan dosa pahala) atas tiga orang (iaitu): anak kecil sehinggalah ia baligh, orang yang tidur sehinggalah ia bangun, dan orang gila sehinggalah ia kembali waras.” [Sunan Abi Dawud hadis ke 4403 dalam Bab fi Kitab al-Hudud].

Golongan yang demikian dimaafkan kerana tidak mampu memahami taklif kerana tujuan taklif bukan sahaja bergantung kepada pemahaman dasar tuntutan tetapi juga kepada pemahaman yang terperinci atas tuntutan itu (Al-Amidi, 1967). Abu Bakr Ibn al-Arabi di dalam kitabnya Mahsul fi Usul al-Fiqh menyatakan kriteria berakal bagi seseorang mukalaf adalah seseorang yang fikirannya al-zuhul (tidak gelap) dan al-nisyan (tidak lupa) dan yang boleh membezakan hak dan yang batil dan menuruti apa yang dapat seseorang itu bezakan (Al-Arabi, 1999). Kesimpulannya, berakal adalah perkara yang utama dalam menentukan seseorang itu adalah mukalaf. Namun, instrumen pengukuran berakal perlu dibangunkan bagi menentukan seseorang itu mukalaf atau sebaliknya.

### 3.4.2 Kriteria Kedua: Mencapai Dewasa (Baligh)

Kriteria yang kedua ialah telah mencapai kedewasaan (baligh) yang menjadi batasan terhadap manusia secara umum sebagai mukalaf. Baligh adalah suatu keadaan rohani dan jasmani yang menentukan manusia telah mencapai kemampuan seseorang untuk melaksanakan taklif sepenuhnya. Taklif itu perlu ada tanda ukuran yang sesuai bagi menentukan status baligh. Hal yang demikian, Imam al-Syafi’i menyatakan bahawa baligh (dewasa) itu telah tercapai apabila seseorang sudah genap usia lima belas tahun (tahun Qamariyyah dengan perhitungan jumlah hari) atau telah bermimpi melakukan persetubuhan atau terjadi haid bagi perempuan (Al-Syafi’i, 1990). Penentuan umur baligh menurut empat mazhab berdasarkan sumber Irsyad Al-Fatwa siri ke-230 oleh Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan adalah seperti dalam Jadual 3:

**Jadual 3** Penentuan Umur Baligh Menurut Empat Mazhab. Sumber: Laman web rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (11 Jun 2018)

Mazhab	Lelaki	Perempuan
Al-Syafi’e	Sempurna 15 tahun Qamariyyah	Sempurna 15 tahun Qamariyyah
Ahmad Ibn Hanbal	Sempurna 15 tahun Qamariyyah	Sempurna 15 tahun Qamariyyah
Malikiyyah	Sempurna 18 tahun	Sempurna 18 tahun
Abu Hanifah	18 tahun	17 tahun

Ulama Imam al-Syafi’i menyatakan bahawa umur baligh adalah sempurna 15 tahun Qamariyyah bagi lelaki dan perempuan berdasarkan riwayat daripada Ibn Umar: “Aku menyerahkan diriku kepada Nabi SAW pada peperangan Uhud ketika aku berusia 14 tahun dan Nabi SAW tidak mengizinkanku kerana Nabi SAW tidak menganggapku telah baligh. Aku juga menyerahkan diriku kepada Nabi SAW pada peperangan Khandak ketika aku berusia 15 tahun dan Nabi SAW mengizinkanku kerana Baginda SAW menganggapku telah baligh.”

Menurut Imam al-Syafi’i, Nabi SAW pernah menyingkirkan 17 orang daripada kalangan sahabat yang mana usia mereka pada ketika itu adalah 14 tahun kerana Nabi SAW menganggap mereka belum lagi baligh. Kemudian Nabi SAW didatangi anak-anak yang berusia 15 tahun lalu Baginda SAW membenarkan mereka. Antaranya Zaid bin Thabit, Rafi’ bin Khadij dan Ibn Umar. Had umur ini turut diterima oleh Akademi Fiqh Islami Antarabangsa (al-Majma’ al-Fiqh al-Islami) yang telah membahagikan umur kepada dua jenis, iaitu umur baligh dalam isu berkaitan ibadat dan umur berkaitan kewangan dan jenayah. Berikut adalah teks resolusi yang telah diputuskan oleh pihak Majma dalam pertemuan ke-18 yang diadakan di Putrajaya pada 9-14 Julai 2007 (<http://www.iifa-aifi.org/2270.html>)

Selepas meneliti kertas kerja yang dibentangkan dan mendengar dialog berkaitan Umur Baligh dan Kesannya kepada Taklif. Perlu diingatkan bahawa akal adalah tempat jatuhnya taklif, kanak-kanak kecil tidak ditaklifkan oleh syarak melainkan selepas mencapai peringkat tertentu yang menunjukkan kewarasan dan kematangan



berfikir. Terdapat pelbagai tanda fizikal yang mengenai perkara ini. Justeru, penetapan umur baligh dalam keadaan sukar menentukan peringkat baligh secara tabie dengan merujuk kepada perubahan fizikal tubuh badan adalah selari dengan kaedah syarak dan maqasid syariah. Syariat menetapkan bahawa hukuman hudud boleh jatuh disebabkan kewujudan keraguan munasabah (al-syubhah). Berikut adalah resolusi yang diputuskan:

Pertama: Umur mumayyiz adalah tujuh tahun dan perbuatan sebelum mencapai umur ini tidak dikira (terbatal). Manakala mumayyiz dalam aspek kewangan, ia terbahagi kepada dua; (i) perbuatan yang melibatkan manfaat sahaja, maka perbuatan mereka dikira, (ii) perbuatan yang melibatkan manfaat dan mudarat, maka ia terikat dengan kebenaran dari wali yang menjaga mereka. Jika perbuatan tersebut memberikan mudarat yang pasti, maka ia terbatal.

Kedua: Tempoh baligh bergantung kepada perkembangan jisim tubuh badan sehingga mencapai tempoh tertentu dan mampu memahami. Maka, baligh dikira berdasarkan perubahan tersebut atau mencapai umur 15 tahun dalam urusan taklifan ibadah. Namun, jika ia berkaitan urusan harta dan jenayah, maka pemerintah boleh menetapkan umur yang sesuai bagi baligh berdasarkan masalah pada tempat dan persekitaran tersebut.

Ketiga: Tidak dibenarkan menjatuhkan hukuman hudud atau qisas pada orang yang belum baligh, sebaliknya hukum yang dibenarkan adalah hukuman ta'zir dan ta'dib. Ia diserahkan kepada pemerintah berdasarkan pertimbangan dan peringkat umur yang sesuai bagi pesalah bawah umur tersebut.

Keempat: Ganti rugi melibatkan kewangan dan diyat bagi pesalah bawah umur (belum baligh) tidak terangkat, dan dihukum seperti yang telah ditetapkan oleh syarak.

Ulama mazhab Maliki pula mengatakan umur baligh adalah genap 18 tahun, melakukan persetubuhan atau bermimpi basah (keluar mani) berdasarkan sabda Nabi SAW: "Diangkat pena pada 3 perkara: Antaranya daripada budak sehingga dia bermimpi." [Riwayat Abu Dawud, no 4403].

Manakala mazhab Hanafi menyatakan bahawa umur baligh seseorang budak lelaki adalah 18 tahun dan budak perempuan pula adalah 17 tahun berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Isra' ayat 34: "Dan janganlah kamu menghampiri harta anak yatim melainkan dengan cara yang baik (untuk mengawal dan mengembangkannya), sehingga ia baligh (dewasa, serta layak mengurus hartanya dengan sendiri)."

Kesimpulannya, mazhab Syafi'i dan Hanbali melihat had umur baligh seseorang itu adalah pada usia 15 tahun Qamariyyah berdasarkan dalil-dalil di atas. Adapun, mazhab al-Maliki dan al-Hanafi melihat had umur baligh seseorang itu adalah pada usia 18 tahun. Ini jelas menunjukkan bahawa baligh adalah kriteria yang juga akan menentukan seseorang mukalaf.

Bagi doktor perubatan pula, mereka tidak menetapkan umur tertentu bagi mengklasifikasikan seseorang kanak-kanak sebagai sudah mencapai akil baligh (puberty) atau masih belum. Terdapat beberapa peringkat puberty iaitu; adrenarche, gonadarche, thelarche, pubarche, menarche dan spermarche. Setiap peringkat ditentukan melalui perubahan fizikal seperti tumbuh bulu ketiak, bulu ari-ari, pertambahan saiz penis dan payudara, bau badan, jerawat, ketinggian, suara dan keluar darah haid (Guízar-Vázquez JJ et al., 1992). Malah, kadar perubahan kanak-kanak ke akil baligh bergantung kepada pelbagai aspek seperti suasana persekitaran, pemakanan, pendedahan internet dan sebagainya (Claire, 2019 dan Kan'an, 2002).

### **3.4.3 Kriteria Ketiga: Faham Terhadap Hukum Taklif**

Al-Shawkani (1999) dalam kitabnya Irsyad al-Fuhul menyatakan bahawa terdapat kaedah menyatakan bahawa: fahm al-mukallaf lima kullifa bihi yang bermaksud kefahaman mukalaf ke atas semua perkara yang dituntut oleh syarak untuk melaksanakannya. Justeru, orang gila dan kanak-kanak yang tidak mumayyiz tidak terikat dengan tuntutan hukum kerana belum sempurna dalam mengetahui dan memahami hukum yang dikenakan kepadanya (Al-Shawkani, 1999).

Menurut al-Ghazali pula (t.t.), tidak sah tuntutan ke atas objek yang tidak bernyawa, haiwan, orang gila dan kanak-kanak yang tidak mumayyiz, kerana taklif memerlukan kepatuhan dan syarat berniat adalah

memahami akan taklif tersebut. Al-Amidi menambah di dalam kitabnya al-Ihkam fi usul al-Ahkam, seseorang mukalaf yang faham akan taklif mampu memperincikan tuntutan yang disuruh dan yang dilarang (Al-Amidi, 1967). Oleh itu, apabila seseorang telah faham ke atas semua perkara yang dituntut oleh syarak untuk melaksanakannya, maka dia sudah mencukupi syarat seorang mukalaf. Kesimpulannya, penyelidik mendapati bahawa penentuan seseorang sebagai mukalaf terdiri daripada tiga kriteria yang utama iaitu berakal, mencapai dewasa (baligh) dan pemahaman terhadap hukum taklif.

### 3.5 Cadangan Kaedah Pengukuran Penentuan Status Mualaf Kepada Mukalaf

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, penyelidik mendapati bahawa terdapat beberapa instrumen yang dapat mengukur kaedah penentuan status mualaf kepada mukalaf adalah seperti berikut:

**Jadual 4:** Instrumen Pengukuran Kaedah Penentuan Naik Taraf Mualaf Kepada Mukalaf

Kriteria	Instrumen
1. Berakal	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak gila</li> <li>• Kanak-kanak belum mumayyiz</li> <li>• Tidak lupa</li> <li>• Fikiran yang jelas</li> <li>• Mampu membezakan baik dan buruk</li> </ul>
2. Baligh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kanak-kanak lelaki yang telah bermimpi (<i>al-ibtīlam</i>) dan keluar air mani.</li> <li>• Kanak-kanak perempuan yang telah keluar haid.</li> <li>• Jika tidak mengalami kedua-dua perkara di atas, diukur berdasarkan umur penentuan baligh.</li> </ul>
3. Faham	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kefahaman</li> <li>• Amalan</li> <li>• Penghayatan</li> </ul>

Jadual 4 di atas menunjukkan instrumen Kaedah Pengukuran Penentuan Status Mualaf Kepada Mukalaf. Bagi kriteria pertama, instrumen yang boleh digunapakai untuk mengukur seseorang itu berakal adalah tidak gila, kanak-kanak yang belum mumayyiz, tidak lupa, fikiran yang jelas dan mampu membezakan baik dan buruk. Manakala instrumen bagi kriteria yang kedua iaitu mencapai dewasa (baligh) adalah kanak-kanak lelaki yang telah bermimpi dan keluar air mani serta kanak-kanak perempuan yang telah keluar haid dikira sudah baligh dan mencapai umur baligh. Bagi kriteria ketiga, seseorang mualaf itu bergelar mukalaf apabila memahami apa yang diperintahkan kepadanya boleh diukur dari sudut kefahaman, amalan dan penghayatan.

## 4.0 PENUTUP

Kajian terhadap kaedah pengukuran penentuan status mualaf kepada mukalaf ini amat perlu dilakukan dalam menyelesaikan isu-isu yang berkaitan dengannya. Isu had tempoh mualaf, isu gelaran mualaf, isu pemberian zakat mualaf dan sebagainya amat berkait rapat dengan isu ini. Kriteria penentuan mukalaf yang ditentukan oleh ulama perlu disesuaikan dengan pada masa kini dan sudah pasti terdapat beberapa kriteria dan instrumen lain dalam menentukan seseorang mualaf kepada mukalaf dalam konteks pada hari ini. Kajian seperti ini mampu menjadikan pengurusan zakat lebih efisien.

## Rujukan

- Ahmad Yunus Kasim, Samsuddin Abdul Hamid, Misnan Jemali. (2017). Pengajaran Akidah Dalam Kalangan Mualaf Di Institut Dakwah Islamiyah Perkim. *Jurnal Perspektif (Special Issue)*, 1, 89-100.
- Al-‘Arabi, Abu Bakr. (1999). *Mahsul Fi Usul Fiqh*. Beirut: Dar al-Biyaraq, 23.
- Al-Amidi, Saifuddin Abi al-Hasan Ibn Abi Ali Ibn Muhammad. (1967). *Al-Ihkam Fi Usul Al-Ahkam*. 1, 129. Beirut: Dar al-Kitab al-‘Ilmiah
- Al-Ghazali, Imam Abu Hamid Muhammad Ibn Muhammad. (1997). *Al-Mustafa Min ‘Ilmi Al Usul*. 1, 285. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.

- Al-Namlah, Abdul Karim Ibn Ali Ibn Muhammad. (1999). *Al-Mubazzab Fi 'Ilmi Usul Al-Fiqh Al-Muqaran*, 1, 323. Riyadh: Maktabah Al-Rushd.
- Al-Sarakhsi, Muhammad Ibn Ahmad Ibn Abi Sahl. (1999). *Usul Al-Sarakhsi*, 2, 340. Beirut: Dar al-Kitab al-'Ilmiah.
- Al-Shawkani, Muhammad Ibn Ali. (1999). *Irsyad Al-Fuhul 'Ila Tabqiq Al-Haq Min 'Ilmu Al-Usul*, 1, 72. Beirut: Dar al-Kitab al-'Ilmiah.
- Al-Zarkasyi, Muhammad Ibn Bihadir Ibn Abdullah. (1992). *Al-Babr Al-Mubit Fi Usul Al-Fiqh*. 1, 344. Hurghada: Dar al-Sofwah.
- Al-Zuhaili, Wahbah. (1986). *Usul Al-Fiqh Al-Islami*, 1, 158. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Anis Ibrahim, et. al. (2008). *Al-Mu'jam Al-Wasit*. 4, 795. Mesir: Maktabah al-Shuruq al-Duwaliiyyah.
- Azarudin Bin Awang dan Khadijah Mohd Khambali @ Hambali. (2014). Bentuk-Bentuk Hubungan Muslim dan Non-Muslim Selepas Pemeluk Agama: Kajian Kes Dalam Kalangan Mualaf Cina Terengganu. *Jurnal Kemusiaan*, 12, 1-17.
- Azman Ab Rahman & Hasanah Abd Khafidz. (2015). *Ensiklopedia Asnaf Dan Skim Agihan Zakat Di Malaysia*, 75-87. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- Azman Ab Rahman, Irwan Mohd Subri, Mahazan Abdul Mutalib, Wan Mohd Fazrul Wan Razali, Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali, Rose Irnawaty Ibrahim, & Ismail, N. (2015). Indeks Pengukuran Penentuan Had Tempoh Mualaf Di Malaysia. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 6, 39-63.
- Azman Ab Rahman, Irwan Mohd Subri, Mahazan Abdul Mutalib, Wan Mohd Fazrul Wan Razali, Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali, Rose Irnawaty Ibrahim, & Ismail, N. (2015). Analisis Pentafsiran Mualaf Menurut Islam Dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Di Malaysia. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 6, 9-37.
- Badran, Badran Abu 'Aynayn. (1965). *Usul Al-Fiqh*, 407. Mesir: Dar al-Ma'arif.
- Claire L. Wood, Laura C. Lane, Tim Cheetam. (2019). *Puberty: Normal Physiology (Brief Overview)*. 33(3), 1-16 <https://doi.org/10.1016/j.beem.2019.03.001>
- Guízar-Vázquez JJ, et. al. (1992). Age of Onset of Spermaturia in 669 Children. *Boletín medico del Hospital Infantil de Mexico*, 49(10), 689-92.
- Ibn Qudamah, Abdullah Ibn Ahmad Ibn Muhammad. (1993). *Raudhab an-Nazir Wa Jannab Al-Manazir Fil Usul Al-Fiqh Ala Mazhab Al-Imam Ahmad Ibn Hanbal*, 1, 220. Riyadh: Maktabah Al-Rushd.
- Irwan Mohd Subri, Azman Ab Rahman, Mahazan Abdul Mutalib, Wan Mohd Fazrul Wan Razali, Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali, Rose Irnawaty Ibrahim, & Ismail, N. (2015). Penerimaan Penggunaan Istilah Mualaf Dalam Kalangan Mualaf Di Malaysia. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 6, 111-134.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Pelajar Bahasa Malaysia Edisi Kedua. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kan'an, Ahmad Muhammad. (2000). *Al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Tibbiyyah* (Ensiklopedia Fiqh Perubatan). Beirut: Dar al-Nafais, cet. 1, entri: al-Bulugh (puberty).
- Laman Web al-Majma' al-Fiqh al-Islami, 2007, <<http://www.iifa-aifi.org/2270.html>>. Diakses pada 10 Oktober, 2019.
- Laman Web Rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2018, <<https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/2460-irsyad-al-fatwa-siri-ke-230-umur-baligh-menurut-4-mazhab-dan-had-umur-yatim>>. Diakses pada 10 Oktober, 2019.



- Laman Web The Asian Parent Malaysia, Diterjemah dari The Straits Times, <<https://my.theasianparent.com/kanak-kanak-akil-baligh-terlalu-awal>>. Diakses pada 30 Oktober, 2019.
- Mohammad Naqib Hamdan, Mohd Anuar Ramli. (2018). Perbandingan Resolusi Perubatan Antara Majma' Al-Fiqh Al-Islami Al-Duwali Dengan Al-Majma' Al-Fiqh Al-Islami: Analisis Pada Metode Pentarjihan Resolusi Berkaitan Perancangan Keluarga Dan Transplan Organ. *Seminar Serantau Peradaban Islam 2018*, 450-461.
- Nur Najwa Hanani Abd Rahman, Razaleigh Muhamat @ Kawangit, Siti Aishah Yahya dan Mohd Sufiean Hassan. (2016). Transformasi Hubungan Kekeluargaan Saudara Kita Dari Sudut Emosi Selepas Memeluk Islam di Johor. *Jurnal Ilmi*, 6, 125-148.
- Portal Rasmi MyHEALTH Kementerian Kesihatan Malaysia <<http://www.myhealth.gov.my/akil-baligh/>>. Diakses Pada 30 Oktober, 2019.
- Sulaiman Ibn Al-Asy'ati al-Sijistani. (2015). *Al-Sunan Al-Imam Abi Daud*, 6, 536. Beirut: Dar al-Taaseel.
- Syarul Azman Shahrudin, Hanis Najwa Shahrudin, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, Mustafa Kamal Amat Misra. (2018). Tahap Kefahaman Akidah Dalam Kalangan Mualaf Di Negeri Selangor. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 5, 82-91.
- Umar, Ibn Sulaiman al-Asyqar. (2013). *Maqasid Al-Mukallifin Fi Ma Yuta'ubbadu Bihi Li Rabbil 'Alamin Aw an-Niyyatu Fil 'Ibadati*, 38. Jordan: Dar al-Nafais.